

Kesediaan Dan Persepsi Pelajar Kursus Bahasa Mandarin Di Universiti Teknikal Terhadap Pembelajaran Atas Talian (*The Readiness And Perception Of Technical University Students Taking Mandarin Course Towards Online Learning*)

Tan Hua An^{1*}, Tan Tiam Lai²

¹ Student Development Section, Malaysian Spanish Institute, Universiti Kuala Lumpur, Kulim, Kedah, Malaysia.

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: hatan@unikl.edu.my

Accepted: 15 February 2022 | Published: 1 March 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.6>

Abstrak: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah mempengaruhi bidang pendidikan di negara kita, khususnya proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ekoran daripada PKP dan PKPB yang diumumkan, pembelajaran atas talian telah menjadi satu keperluan yang tidak dapat dielakkan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesediaan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin terhadap pembelajaran atas talian serta mengkaji persepsi pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin terhadap pembelajaran atas talian dalam kalangan pelajar universiti teknikal. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpul data. Sampel kajian terdiri daripada 102 orang pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin 1 dan Mandarin 2 di Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI). Kajian ini mendapati bahawa kesediaan dan persepsi pelajar UniKL MSI mengikuti kursus bahasa Mandarin melalui pembelajaran atas talian adalah memberangsangkan. Pelaksanaan pembelajaran atas talian mendapat maklum balas dan sambutan positif daripada pelajar. Hasil kajian mendapati majoriti responden mempunyai kesediaan yang tinggi dan persepsi yang baik untuk mengikuti kursus bahasa Mandarin terhadap pembelajaran atas talian. Dapatan kajian ini diharap dapat memberi idea kepada warga pengajar bahasa Mandarin untuk membuat pengubahsuaian dan penambahbaikan ke atas pendekatan pengajaran seiring dengan situasi semasa.

Kata kunci: kesediaan, persepsi, bahasa Mandarin, pembelajaran atas talian

Abstract: The implementation of the Movement Control Order (MCO) and the Conditional Movement Control Order (CMCO) have influenced the field of education in our country, especially the teaching and learning process. Following the announcement of MCO and CMCO, online learning has become an inevitable necessity. The objective of this study is to identify the readiness of students who took Mandarin courses on online learning as well as to study the perceptions of students who took Mandarin courses on online learning among technical university students. This study uses questionnaires as an instrument to collect data. The sample of the study consists of 102 students who took Mandarin 1 and Mandarin 2 courses at Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI). This study found that the readiness and perception of UniKL MSI students to take Mandarin courses through online

learning is encouraging. The implementation of online learning received positive feedback and response from students. The results of the study found that majority of respondents have high readiness and good perception to take Mandarin courses on online learning. The findings of this study are expected to give ideas to Mandarin teachers to make modifications and improvements to the teaching approach in line with the current situation.

Keywords: readiness, perception, Mandarin, online learning

1. Pengenalan

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) untuk memerangi penularan wabak koronavirus (Covid-19). Selaras dengan penguatkuasaan PKP dan PKPB, institusi pengajian tinggi (IPT) telah ditutup. Penutupan institusi pengajian tinggi telah mendatangkan pelbagai cabaran kepada warga pendidik dan pelajar.

Susulan daripada penutupan institusi pengajian tinggi, pengajaran dan pembelajaran (PdP) konvensional secara bersemuka terpaksa diberhentikan. Kini, pembelajaran atas talian telah menjadi pilihan utama. Pendekatan ini telah menjadi norma baharu bagi memastikan proses PdP dapat dijalankan. Ini sekaligus mengubah corak pembelajaran pelajar.

Sejajar dengan norma baharu ini, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) turut melaksanakan pembelajaran atas talian mulai 18 Mac 2020 agar proses PdP tidak terbantut dan pelajar tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

1.1 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan PKP dan PKPB telah menyaksikan penutupan IPT. Penutupan IPT telah mengakibatkan proses PdP konvensional secara bersemuka tidak dapat dijalankan seperti biasa. Demi memastikan proses PdP tidak terjejas, pembelajaran atas talian telah menjadi alternatif utama. Menurut Md Noor Saleh (2019), pembelajaran dalam talian adalah satu-satu cara yang memastikan proses pembelajaran boleh dijalankan tanpa mengira masa dan tempat. Selain itu, pembelajaran atas talian juga adalah satu-satu cara yang membolehkan kelangsungan pembelajaran tanpa perjumpaan fizikal antara pengajar dan pelajar (Farah Idayu et al., 2020). Dengan kata lain, sepanjang tempoh pelaksanaan PKP dan PKPB, pembelajaran atas talian telah muncul sebagai pendekatan PdP yang terpenting dan menjadi pilihan utama para pengajar.

Ramai pendidik dan penyelidik membincangkan kepentingan faktor pelajar semasa pelaksanaan pembelajaran atas talian. Norma baharu ini memerlukan pelajar berubah daripada pendekatan pembelajaran konvensional secara bersemuka kepada pendekatan pembelajaran atas talian. Menurut Mohamed Nazul (2020), proses pembelajaran dalam talian telah memberi kesan yang banyak kepada pelajar. Tahap kesediaan pelajar tentang pembelajaran atas talian amat penting memandangkan pelajar adalah subjek utama dalam proses PdP (Muniroh, Siti Balqis & Ch'ng, 2020). Aspek psikologi pelajar termasuk emosi, sikap dan tekanan akan mempengaruhi proses dan hasil pembelajaran (Mohd Fairuz et al., 2020). Menurut Siti Nurshahidah et al. (2020), persepsi dan cabaran pelajar terhadap pembelajaran atas talian semasa penularan pandemik Covid-19 harus diberi perhatian dan diambil berat. Muniroh, Siti Balqis dan Ch'ng (2020) berpendapat tanpa penglibatan dan kesediaan pelajar, proses PdP atas talian tidak akan mencapai objektifnya walaupun dengan pelbagai bahan PdP terkini.

Justeru itu, pengkaji berhasrat mengkaji kesediaan dan persepsi pelajar mengikuti kursus bahasa Mandarin melalui pembelajaran atas talian di Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI) yang terletak di Kulim, Kedah.

1.2 Objektif Kajian

Berlandaskan pernyataan masalah di atas, terdapat dua objektif bagi kajian ini. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti kesediaan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin terhadap pembelajaran atas talian. Objektif kedua adalah untuk mengkaji persepsi pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin terhadap pembelajaran atas talian.

1.3 Kepentingan Kajian

Pertama, kajian ini diharap dapat menambahkan pengetahuan warga pendidik tentang pembelajaran atas talian khususnya berkaitan dengan kesediaan dan persepsi pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin terhadap pembelajaran atas talian. Di samping itu, ia juga memaklumkan kepada warga pendidik tentang pengetahuan menggunakan pembelajaran atas talian dalam proses PdP pada masa hadapan dan seterusnya menyesuaikan diri dengan metodologi baru untuk meningkatkan kualiti PdP.

Kedua, kajian ini diharap dapat memberi informasi kepada pihak universiti berkenaan kesediaan dan persepsi pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin terhadap pembelajaran atas talian. Seterusnya ia juga memberi informasi kepada pihak universiti agar lebih prihatin kepada isu yang berkaitan dengan kesediaan dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian.

Ketiga, kajian ini juga diharap boleh dijadikan sebagai bahan rujukan bagi warga penyelidik yang berhasrat memajukan kajian seumpama ini pada masa hadapan. Seterusnya ia juga diharap dapat menokok tambah bilangan kajian tentang pembelajaran atas talian memandangkan kajian seumpama ini telah menjadi trend baharu.

2. Ulasan Kajian Lepas

Kesediaan pelajar dalam pembelajaran atas talian merupakan salah satu cabaran yang sering diperbincangkan. Kajian Siti Balqis dan Muniroh (2020) mendapati pelajar belum bersedia dari segi fizikal dan mental. Kajian Nor Aidawati dan Mazidah (2021) juga mendapati kesediaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian berada pada tahap sederhana.

Kajian Mohd Fairuz et al. (2020) mendapati pelajar mempunyai keinginan yang tinggi terhadap pembelajaran. Namun proses PdP dalam talian terjejas akibat daripada pelbagai halangan. Antara halangan ialah masalah peranti yang digunakan, talian internet yang lemah serta masa pembelajaran.

Kajian Abdul Aziz dan Aida Zuraina (2020) menunjukkan bahawa pelajar bersedia dan mempunyai motivasi yang baik untuk menerima pembelajaran atas talian. Walau bagaimanapun, cabaran dan limitasi semasa pelaksanaan harus diperhalusi untuk meningkatkan keberkesanan proses PdP. Cabaran dan limitasi tersebut ialah pelajar didapati masih tidak dapat menyesuaikan diri dalam konteks pembelajaran atas talian secara keseluruhan, kekeliruan pelajar dari segi penyampaian dan kemudahan pembelajaran harus diberi perhatian.

Kajian Munirah et al. (2021) menunjukkan persepsi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian adalah memuaskan. Namun begitu, kebanyakan pelajar lebih cenderung kepada pembelajaran bersemuka untuk mendapat kefahaman dan motivasi yang lebih tinggi untuk belajar. Walau bagaimanapun, pelajar mempunyai kesediaan untuk mengikuti pembelajaran dalam talian sekiranya perkhidmatan internet dan peralatan yang mencukupi di rumah.

Kajian Siti Azura, Suzana dan Zulkurnain (2021) mendapati sebilangan pelajar berpendapat PdP dalam talian membawa kesan yang positif kepada mereka. Selain itu, pelajar juga tertarik dengan reka bentuk am portal pembelajaran dalam talian yang teratur dan menarik. Walau bagaimanapun, kajian tersebut memaparkan halangan yang dihadapi oleh pelajar ketika pelaksanaan PdP dalam talian. Antara halangan ialah capaian internet yang lemah, tiada komputer, persekitaran rumah yang tidak kondusif dan kesukaran menyesuaikan diri dengan PdP dalam talian. Ini pasti akan memberi kesan terhadap proses PdP.

Isu capaian internet juga sering dibincangkan oleh pendidik dan penyelidik. Muniroh, Siti Balqis dan Ch'ng (2020) menyatakan bahawa masalah capaian internet akan menyebabkan proses pembelajaran atas talian terjejas dan objektif pembelajaran tidak tercapai jika tiada penyertaan pelajar. Kajian Siti Balqis dan Muniroh (2020) mendapati sebilangan pelajar masih belum bersedia dengan pembelajaran dalam talian kerana capaian internet yang tidak memuaskan. Menurut Siti Nurshahidah et al. (2020), cabaran terbesar yang dihadapi oleh pelajar ketika pembelajaran atas talian ialah masalah gangguan internet yang sering terputus. Mohd Fairuz et al. (2020) juga berpendapat masalah utama pembelajaran dalam talian adalah masalah pengaksesan internet.

Selain itu, Nor Musfirah (2021) menyatakan bahawa jaringan internet yang tidak kuat di kawasan pedalaman dan kampung menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti sesi pembelajaran atas talian. Menurut Noor Syaheerah dan Tajul (2021), tiada capaian internet di rumah dan gangguan akses internet seperti talian internet yang tidak stabil dan terputus-putus merupakan dua isu yang sering dihadapi oleh pelajar semasa pembelajaran dalam talian.

Secara umum, pembelajaran atas talian sepanjang tempoh PKP dan PKPB telah mengubah corak pembelajaran dalam kalangan pelajar IPT. Ia akan terus menjadi dominan penting dalam pembelajaran masa kini dan masa hadapan. Kesediaan dan persepsi pelajar IPT terhadap pembelajaran atas talian harus diberi perhatian yang sewajarnya. Dalam norma baharu ini, pelajar juga harus menguasai kemahiran pembelajaran atas talian supaya dapat meningkatkan daya saing dan mencapai kejayaan pada abad ke-21 ini (Nor Hidayati, 2020).

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpul data. Soalan di borang soal selidik telah diubahsuai berdasarkan soal selidik Nor Aziah dan Mohd Taufik (2016) yang berkaitan dengan kajian e-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini kerana menurut Mohd Majid Konting (2000), soal selidik adalah alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan. Tambahan pula, menurut Mohd Najib (2003) dan Fuad Mohamed (2017), tinjauan soal selidik adalah cara yang berkesan, tidak memerlukan masa banyak dan perbelanjaan besar.

Soal selidik atas talian dijalankan dengan menggunakan pautan *Google Forms*. Borang soal selidik kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C.

Bahagian A merupakan maklumat demografi responden seperti jantina, peringkat pengajian dan kursus yang diambil. Bahagian B digunakan untuk mengkaji kesediaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Terdapat 10 item dalam bahagian B. Bahagian C digunakan untuk mengukur persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Terdapat 10 item dalam bahagian C. Skala Likert lima mata digunakan untuk mengukur item bahagian B dan bahagian C iaitu 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Tidak Pasti), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju). Borang soal selidik mengemukakan item yang ringkas dan mudah difahami.

3.1 Sampel Kajian

Sampel kajian ini merupakan pelajar yang mengambil kursus bahasa Mandarin 1 dan Mandarin 2 di UniKL MSI yang mengikuti pembelajaran atas talian bagi semester Julai 2020. Seramai 102 orang responden terlibat dalam kajian ini.

3.2 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas pada pelajar sesi akademik semester Julai 2020 di UniKL MSI yang mengikuti kursus Mandarin 1 dan Mandarin 2 secara atas talian. Kejujuran dan keikhlasan responden menjawab soal selidik amat penting kerana ia akan mempengaruhi hasil kajian. Kajian ini lebih berbentuk deskriptif yang bertujuan memberikan gambaran tentang kesediaan dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23.0 digunakan untuk menganalisis data. Dapatan skor min ditafsir dengan menggunakan interpretasi dapatan statistik deskriptif yang disyorkan oleh Jamil (2002) seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Dapatan analisis adalah seperti di bawah.

Jadual 2: Data Demografi Responden Kajian

Faktor Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	74	72.5
	Perempuan	28	27.5
Peringkat Pengajian	Diploma	9	8.8
	Sarjana Muda	93	91.2
Kursus	Mandarin 1	66	64.7
	Mandarin 2	36	35.3

Berdasarkan Jadual 2 di atas, responden kajian ini mempunyai seramai 74 orang (72.5%) pelajar lelaki dan 28 orang (27.5%) pelajar perempuan. Dari peringkat pengajian pula, seramai 9 orang pelajar (8.8%) sedang mengikuti program diploma dan 93 orang pelajar (91.2%) sedang mengikuti program sarjana muda. Manakala dari segi kursus pula, seramai 66 orang pelajar (64.7%) mengambil kursus Mandarin 1 dan 36 orang pelajar (35.3%) mengambil kursus Mandarin 2.

Jadual 3: Kesediaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Atas Talian

	Minima	Maksima	Min	Sisihan Piawai
1. Saya sedar bahawa pembelajaran atas talian merupakan trend masa kini.	1	5	4.15	0.905
2. Saya bersedia mempelajari cara menggunakan pembelajaran atas talian.	1	5	4.12	0.871
3. Saya bersedia menghadapi cabaran dalam penggunaan pembelajaran atas talian.	1	5	3.90	1.029
4. Saya bersedia menggunakan pembelajaran atas talian.	1	5	3.87	0.941
5. Saya bersedia melibatkan diri dalam aktiviti semasa pembelajaran atas talian.	1	5	4.01	0.939
6. Saya bersedia mendisiplinkan diri semasa menggunakan pembelajaran atas talian.	2	5	4.12	0.812
7. Saya mempunyai tempat atau ruang yang sesuai untuk mengikuti pembelajaran atas talian.	1	5	3.68	1.109
8. Saya mempunyai peralatan teknologi atau gajet (komputer/ komputer riba/ telefon pintar dan sebagainya) untuk mengikuti pembelajaran atas talian.	1	5	4.12	0.998
9. Saya mempunyai kemudahan capaian internet untuk mengikuti pembelajaran atas talian.	1	5	3.48	1.078
10. Saya berharap pensyarah menggunakan pembelajaran atas talian.	1	5	3.67	1.163
Min Keseluruhan			3.91	0.791

Melalui analisis skor min yang dijalankan ke atas kesediaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian di Jadual 3, didapati skor min tertinggi ialah 4.15 pada item yang pertama iaitu “Saya sedar bahawa pembelajaran atas talian merupakan trend masa kini”. Ini menunjukkan kesedaran responden terhadap pembelajaran atas talian adalah tinggi khususnya sepanjang pelaksanaan PKP dan PKPB. Item ke-9 iaitu “Saya mempunyai kemudahan capaian internet untuk mengikuti pembelajaran atas talian” mempunyai skor min terendah iaitu 3.48 sahaja. Ini menunjukkan capaian internet adalah cabaran semasa pelaksanaan pembelajaran atas talian. Isu ini sering dibincangkan oleh pendidik dan penyelidik. Contohnya, Muniroh, Siti Balqis dan Ch’ng (2020), Siti Balqis dan Muniroh (2020), Siti Nurshahidah et al. (2020), Mohd Fairuz et al. (2020), Nor Musfirah (2021) serta Noor Syaheerah dan Tajul (2021).

Min keseluruhan ialah 3.91 dan berada pada tahap tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa para responden mempunyai kesediaan yang baik terhadap pembelajaran atas talian. Dapatan ini seiring dengan kajian Mohd Zulhasnan, Fadli dan Sharifuddin (2019). Selain itu, kajian ini juga agak selaras dengan kajian Abdul Aziz dan Aida Zuraina (2020). Kesediaan ini penting untuk memastikan pelaksanaan pembelajaran atas talian mendatangkan manfaat kepada pelajar semasa mengikuti kursus bahasa Mandarin.

Jadual 4: Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Atas Talian

	Minima	Maksima	Min	Sisihan Piawai
1. Saya suka mengikuti kursus bahasa Mandarin melalui pembelajaran atas talian.	1	5	4.00	1.072
2. Saya berasa selesa mengikuti kursus bahasa Mandarin melalui pembelajaran atas talian.	1	5	3.96	0.954
3. Saya berasa seronok mengikuti kursus bahasa Mandarin melalui pembelajaran atas talian.	1	5	3.95	1.075
4. Pembelajaran atas talian meningkatkan minat saya untuk mengikuti kursus bahasa Mandarin.	1	5	3.81	1.041
5. Pembelajaran atas talian meningkatkan motivasi saya mengikuti kursus bahasa Mandarin.	1	5	3.75	1.041
6. Pembelajaran atas talian meningkatkan tumpuan saya semasa mengikuti kursus bahasa Mandarin.	1	5	3.65	1.021
7. Pembelajaran atas talian meningkatkan pemahaman saya terhadap isi kandungan kursus bahasa Mandarin.	2	5	3.83	0.934
8. Pembelajaran atas talian sesuai digunakan untuk mengikuti kursus bahasa Mandarin.	2	5	3.70	1.013
9. Pembelajaran atas talian sama kualiti dengan pembelajaran di bilik darjah bagi kursus bahasa Mandarin.	1	5	3.38	1.275
10. Pembelajaran atas talian boleh menggantikan pembelajaran di bilik darjah untuk mengikuti kursus bahasa Mandarin.	1	5	3.59	1.230
Min keseluruhan			3.76	0.945

Melalui analisis skor skor yang dijalankan ke atas persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian di Jadual 4, didapati skor min tertinggi ialah 4.00 pada item yang pertama iaitu “Saya suka mengikuti kursus bahasa Mandarin melalui pembelajaran atas talian”. Ini bermakna item ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan responden. Majoriti responden mempunyai pandangan yang sangat positif terhadap pembelajaran atas talian semasa mengikuti kursus bahasa Mandarin. Manakala bagi item terendah skor minnya pula ialah skor min 3.38 bagi item yang ke 9 iaitu “Pembelajaran atas talian sama kualiti dengan pembelajaran di bilik darjah bagi kursus bahasa Mandarin”. Ini bermakna pembelajaran atas talian tidak setara dengan kualiti dengan pembelajaran di bilik darjah bagi kursus bahasa Mandarin.

Min keseluruhan ialah 3.76 dan berada pada tahap tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa para responden mempunyai persepsi yang baik terhadap pembelajaran atas talian untuk mengikuti kursus bahasa Mandarin. Menurut Bani Hidayat (2020), penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian akan memudahkan pelaksanaannya dan meningkatkan produktiviti pembelajaran.

5. Kesimpulan

Pelaksanaan PKP dan PKPB telah mempengaruhi bidang pendidikan di Malaysia, khususnya proses PdP. Ekoran daripada PKP dan PKPB yang diumumkan, pembelajaran atas talian telah menjadi satu keperluan yang tidak dapat dielakkan sebagai norma baharu sepanjang pelaksanaan PKP dan PKPB untuk memastikan kelangsungan proses PdP.

Kajian ini mendapati bahawa kesediaan dan persepsi pelajar UniKL MSI yang mengikuti kursus bahasa Mandarin melalui pembelajaran atas talian adalah memberangsangkan. Pelaksanaan pembelajaran atas talian mendapat maklum balas dan sambutan positif daripada pelajar. Ini jelas dinyatakan melalui hasil soal selidik daripada para responden.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan pembelajaran atas talian tidak terlepas daripada keterbatasan dan kekangan. Antaranya termasuk isu interaksi yang lemah, isu tumpuan pelajar semasa proses PdP atas talian, isu kehadiran pelajar dan sebagainya. Warga pendidik harus bijak menangani masalah dan cabaran yang berkaitan agar pelajar tidak ketinggalan sepanjang pelaksanaan pembelajaran atas talian. Dapatan kajian ini diharap dapat memberi idea kepada warga pengajar bahasa Mandarin untuk membuat pengubahsuaian dan penambahbaikan ke atas pendekatan pengajaran seiring dengan situasi semasa.

Rujukan

- Abdul Aziz Ishak & Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat (2020). Pembelajaran Atas Talian: Tinjauan Terhadap Kesediaan dan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, Vol. 2, No. 4, 68-82.
- Bani Hidayat Mohd Shafie (2020). Pelaksanaan PdPc Dalam Talian (OLL) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 dan 2 Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, Vol. 2, No. 2. 213-221.
- Farah Idayu Mohd Salleh, Jamilahtun Md Ghazali, Wan Nor Hana Wan Ismail, Maizura Alias, Nur Syafiqah A. Rahim (2020). The Impacts of COVID-19 Through Online Learning Usage For Tertiary Education In Malaysia. *Journal of Critical Reviews*, Vol. 7, Issue 8, 147-149.
- Fuad Mohamed Berawi (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*. Sintok: Penerbit UUM.
- Jamil Ahmad (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan Di Kalangan Guru Sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Ijazah Kedoktoran. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Md Noor Saleh (2019). *Berijazah Secara PJJ Di Malaysia: Peluang, Cabaran, Ciri Dan Gaya Pembelajaran Pelajar, Dan Strategi Kejayaan*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohamed Nazul Ismail (2020). Cabaran Kepimpinan Dalam Pengurusan Pembelajaran Digital. *Jurnal Refleksi Kepimpinan*, Jilid III, 20-24.
- Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang (2020). Kesediaan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik COVID 19. *Prosiding Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan*, 404-410.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan (Edisi Kelima)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Zulhasnan Mat, Fadli Bacho & Sharifuddin Rapin (2019). Kesediaan Pelajar Dalam M-

- Pembelajaran Bagi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kolej Komuniti Tawau, Sabah. *Journal of Life Long Learning*, Vol. 3, No. 1, 103-111.
- Munirah Salleh, Mohd Faisal Jamaludin, Noor Syaheeda Mohd Safie & Julia Mohd Yusof (2021). Tinjauan Keberkesanan Pembelajaran Secara Dalam Talian Ketika Pandemik Covid-19: Perspektif Pelajar Sains Kejuruteraan Politeknik Ibrahim Sultan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, Vol. 3, No. 1, 374-384.
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan & Ch'ng Pei Eng (2020). Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik COVID-19. *Shah Alam: SIG: e-Learning@CS*, 23-30.
- Noor Syaheerah Hamdan & Tajul Arifin Muhammad (2021). Motivasi Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Kuala Lumpur Dan Keterlibatan Pelajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Sepanjang Tempoh Pandemik Covid-19. 2nd International Conference on Education, Social Sciences and Engineering (ICESE 2021).
- Nor Aidawati Abdillah & Mazidah Musa (2021). Kesiediaan Pelajar Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Norma Baru di Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. *International Journal of Modern Education*, Vol. 3, No.8, 114-124.
- Nor Aziah Abdul Aziz & Mohd Taufik Hj Ahmed (2016). E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di IPG Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, Jilid 11, 116-130.
- Nor Hidayati Mokhtar (2020). Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat. Akses: <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>
- Nor Musfirah Mohamad (2021). Cabaran Pedagogi Norma Baharu Di Kolej Universiti Islam Perlis (Kuips) Ketika Pandemik Wabak Koronavirus Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*, 243-254.
- Siti Azura Abu Hassan, Suzana Zainol Abidin & Zulkurnain Hassan (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, Vol 2, Issue 10, 1-14.
- Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat (2020). Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Shah Alam: SIG: e-Learning@CS*, 14-22.
- Siti Nurshahidah Sah Allam, Mohd Sufiean Hassan, Rosilawati Sultan Mohideen, Aini Faedah Ramlan & Rusydi Mohd Kamal (2020). Online Distance Learning Readiness During Covid-19 Outbreak Among Undergraduate Students. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, Vol. 10, No. 5, 642-657.